

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILSON UGAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)

SOALAN :

Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat perancangan untuk menyalurkan peruntukan bagi membina jaringan jalan raya ke Hulu Baleh sebagai persediaan pembinaan Empangan Baleh bagi mengelakkan senario yang sama terjadi semasa pembinaan Empangan Bakun.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Akses Ke Empangan Baleh, Bahagian Kapit merupakan salah satu projek di bawah *Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE)* yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 iaitu membina jalan bertaraf R3 sepanjang 75km dari Nanga Mujong ke Sg. Putai (Hulu Baleh), termasuk membina 31 buah jambatan konkrit dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM1.6 billion.

Setakat ini, peruntukan yang telah disediakan adalah berjumlah RM116.5 juta (RM31.5 juta dalam RMKe-9; RM85 juta dalam RMKe-10) bagi menyiapkan kerja-kerja rekabentuk, pengambilan tanah dan pembinaan Pakej B (Fasa 1: Jambatan Menyeberangi Batang Baleh di Nanga Mujong) yang merupakan komponen penting bagi menghubungkan Kapit dengan kawasan Hulu Baleh. Pelaksanaan Pakej B1 ini telah bermula pada 13 Disember 2012 dan dijangka siap pada 14 Julai 2015 dengan status fizikal sehingga Januari 2015 adalah 64.2%.

Baki 7 pakej yang seterusnya yang melibatkan pembinaan 75km jalan termasuk 30 buah jambatan konkrit dijangka akan dilaksanakan secara berfasa dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dan seterusnya, tertakluk kepada kedudukan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.